

Wajar tamatkan kontrak – PM

Oleh HERMAN HAMID

KOTA BHARU 2 Ogos – Kontraktor yang gagal menyiapkan projek-projek mengikut jadual memang patut diberhentikan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri menegaskan, tindakan itu bertujuan memastikan tidak timbul kelewatan dalam pembinaan projek-projek pembangunan yang dirancang oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

“Saya setuju dengan amaran Menteri Kerja Raya (Datuk Seri S. Samy Vellu), kalau kontraktor tidak boleh siap kerja ikut jadual, kontraktor (patut) berhenti.

“Kita hendak pastikan semua projek disempurnakan pembinaannya dalam masa yang dijadualkan,” kata beliau ketika berucap merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Pembinaan Jambatan Kedua Sultan Yahya Petra di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak mahu matlamat kerajaan meningkatkan kesejahteraan rakyat terjejas ekoran kegagalan para kontraktor yang dilantik melaksanakan projek yang diberikan kepada mereka.

Bagaimanapun, katanya, ini tidak bermakna faktor kualiti boleh dikesampingkan hanya semata-mata untuk memastikan kerja dapat disiapkan tepat pada masanya.

“Samy Vellu kata kalau tidak boleh siap tepat pada masanya, kontraktor akan diberhentikan.

“Hendak buat kerja dengan cepat saya setuju tetapi biar kemas dan elok. Ini supaya pada masa hadapan tidak perlu lagi hendak perbetulkan (kerja) yang rosak,”

katanya

Sementara itu, Jambatan Kedua Sultan Yahya Petra bernilai RM150 juta di sini dibina bagi mengatasi masalah kesesakan trafik di negeri ini.

Ia bakal menjadi mercu tanda baru bagi bandar ini dan memberi kesan pembangunan seimbang antara jajahan yang dipisahkan oleh Sungai Kelantan.

Selain Samy Vellu, turut hadir ialah Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed dan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Seri Annuar Musa.

Sementara itu, Samy Vellu yang ditemui pemberita kemudian berkata, arahan membatalkan kontrak kontraktor yang lewat menyiapkan projek adalah satu peraturan baru yang dikuatkuasakan oleh kementeriannya.

Katanya, Jabatan Kerja Raya (JKR) akan menetapkan jumlah kerja yang mesti diselesaikan oleh kontraktor untuk tempoh setiap tiga bulan.


“Apabila projek lewat siap ekoran kontraktor meminta tambahan masa dari dua bulan, empat bulan sampai jadi setahun, akhirnya orang marah kepada kita, jemaah menteri marah sama saya, sebab itu kita buat peraturan baru.

“Namun seperti apa yang Perdana Menteri sebut, walaupun kerja mesti siap tepat pada masa, kualiti kerja juga mesti dijaga,” katanya.

Menurut beliau, JKR akan menambah jurutera untuk memantau sebarang masalah projek ketika dalam pembinaan.

“Ini kerana kita tidak mahu lagi cari punca masalah setelah kerja selesai dijalankan. Saya mahu dari hari pertama kerja lagi JKR telah memantaunya,” jelas Samy Vellu.

Um - 3/8/2007



ABDULLAH Ahmad Badawi bersama Annuar Musa dan Ismail Hassan (tiga dari kanan) melihat replika Jambatan Kedua Sultan Yahya Petra pada majlis pecah tanah jambatan itu.